



Platform ionjak budaya terkenal

Sri Ayu Kartika Amri
November 4, 2022 @ 6:15am

FESTIVAL Precious of Malaysia 2022 dijangka menjadi contoh terbaik sebagai tarikan pelancong dalam dan luar negara untuk menghayati dan menghargai kepelbagaiannya budaya Malaysia yang terkenal sejak 600 tahun dahulu.

Disokong oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac), festival ini menzahirkan usaha dan sumbangan penganjurnya untuk mempromosi budaya Malaysia kepada pengunjung dalam dan luar negara.

Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Motac, Mohd Yusri Mohd Yusoff berkata, Festival Precious of Malaysia 2022 bukan sahaja memaparkan keunikan tempat bersejarah di Kuala Lumpur, tetapi juga mengingatkan dan mendidik masyarakat kepentingan memelihara budaya dan warisan untuk generasi akan datang.

Katanya, di samping menjadi platform kepada pelajar universiti untuk mengekspresi seni kreatif dan keusahawanan, festival ini juga membangunkan kemahiran dan pengetahuan mereka untuk berjaya dalam industri fesyen.

"Dianjurkan oleh FM Group dengan kerjasama Perpustakaan Universiti Malaya (PUM), festival tujuh hari ini turut meraikan nilai tradisi, budaya dan warisan Malaysia melalui fesyen dan menghidangkan pengunjung dengan keunikan dan kepelbagaiannya etnik negara kita.

"Festival ini akan menjadi contoh terbaik sebagai tarikan pelancong dalam dan luar negar kerana semuanya di bawah satu acara," katanya pada taklimat media Festival Precious of Malaysia 2022.

Pengunjung dijemput hadir merasai sendiri pengalaman kebudayaan yang menyeluruh sempena Festival Precious of Malaysia 2022 bermula 5 hingga 11 Disember 2022 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pelbagai aktiviti menarik seperti pertunjukkan fesyen kebudayaan oleh pereka tempatan, aktiviti karnival dan food truck, pameran tekstil oleh Muzium Tekstil Negara, persembahan kebudayaan, gerai jualan dan banyak lagi.